



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.26(46)  
Tarikh : 30 April 2026

Semua Pengetua dan Guru Besar  
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

**MAKLUM BALAS MESYUARAT PERMUAFAKATAN PDRM KONTINJEN NEGERI TERENGGANU  
BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU BIL. 2/2025**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Permuafakatan antara **Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Negeri Terengganu** bersama **Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPN Terengganu)** telah membincangkan beberapa isu semasa berkaitan disiplin dan keselamatan murid serta langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan secara bersepadu.

3. Sehubungan itu, pihak sekolah adalah dimohon mengambil maklum dan melaksanakan tindakan berikut dengan kerjasama **Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)** melalui **Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)** di sekolah masing-masing:

- 3.1. **Isu Buli Siber, Media Sosial & Penyebaran Kandungan Tidak Bermoral Tindakan:**
  - Melaksanakan **Kempen Literasi Digital & Kesedaran Jenayah Siber** dengan kerjasama PPS dan Bahagian Siasatan Jenayah Komersil (JSJK).
  - PPS membantu sekolah mengadakan **taklimat keselamatan digital sekurang-kurangnya sekali setiap penggal.**
- 3.2. **Isu Buli Fizikal dan Emosi Tindakan:**
  - Memperkukuh program pencegahan buli melalui **ceramah, intervensi dan simulasi kes sebenar** oleh PPS dan Unit Bimbingan & Kaunseling.
  - Melaksanakan inisiatif **“Sekolah Rakan Polis”** sebagai model kolaborasi di peringkat daerah.
- 3.3. **Pengaruh Negatif Luar (Vape, Rempit, Ponteng, Media Sosial) Tindakan:**
  - Mengaktifkan **Program PPS Junior / Kadet Pencegah Jenayah** melalui pemerkasaan KPJ.
  - Melaksanakan **Kempen Anti-Vape & Gaya Hidup Sihat** dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah.
- 3.4. **Keselamatan Persekitaran Sekolah Tindakan:**
  - Melaksanakan **audit keselamatan sekolah dua (2) kali setahun** dengan penglibatan PPS.
  - Mengadakan **taklimat keselamatan komuniti sekolah** kepada pengawal keselamatan dan ibu bapa.

3.5. **Pengukuhan Komunikasi Sekolah–PPS**

**Tindakan:**

- Menubuhkan **saluran komunikasi rasmi (WhatsApp/Telegram)** di peringkat daerah.
- Melantik **wakil komunikasi rasmi sekolah** (Guru Disiplin/Penasihat PPS).

3.6. **Pemantauan Aktiviti PPS**

**Tindakan:**

- Menggunakan **borang pemantauan digital (Google Form / e-PPS)** bagi laporan aktiviti secara bulanan.
- Menghantar data ke peringkat PPD/JPN untuk tujuan pemantauan dan penilaian prestasi.

3.7. **Penglibatan PPS (PDRM) dalam operasi 'Spot Check' di asrama sekolah**

**Tindakan:**

- Berikut disertakan **Garis Panduan (Lampiran A)** pihak sekolah bagi tujuan tersebut.

4. Kerjasama erat antara pihak sekolah dan PPS melalui platform **Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)** adalah amat penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini serta mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat, kondusif dan bebas daripada gejala sosial.

5. Sehubungan itu, pihak tuan dimohon memastikan semua tindakan di atas dilaksanakan secara berterusan dan dilaporkan mengikut mekanisme yang telah ditetapkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, pihak tuan boleh menghubungi **YM. Tengku Mohd Majid Bin Tunku Mahmud, Penolong Pengarah HEM Sektor Pembangunan Murid di talian 0192637950.**

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN”**

**”MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)**

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Ketua Polis Negeri Terengganu

Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan

- Makluman tuan

- Makluman tuan

**GARIS PANDUAN SERTA JUSTIFIKASI SEKIRANYA PIHAK SEKOLAH INGIN LIBATKAN PIHAK POLIS DALAM OPERASI 'SPOT CHECK' DI ASRAMA SEKOLAH MELALUI KELAB PENCEGAHAN JENAYAH (INDUK)**

1. Dibolehkan dengan justifikasi kukuh

- ❖ Sekolah boleh melibatkan polis dalam spot check asrama jika ada keperluan jelas, contohnya: Disyaki wujud unsur jenayah (dadah, senjata, bahan terlarang).
- ❖ Kes disiplin berulang yang serius.
- ❖ Kehadiran polis bertujuan pencegahan, keselamatan dan sokongan, bukan menghukum semata-mata.

2. Perlu melalui saluran rasmi

- ❖ Dapatkan kebenaran/pengetahuan PPD/JPN terlebih dahulu (jika melibatkan operasi berskala atau sensitif).
- ❖ Maklumkan kepada pentadbir sekolah dan rekodkan dalam minit atau surat rasmi.
- ❖ Libatkan warden, guru disiplin dan kaunselor sebagai pihak utama.
- ❖ Hantar surat kepada IPK (Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti)

3. Pelaksanaan secara terkawal

- ❖ Operasi dijalankan secara tertutup dan beretika (jaga maruah murid).
- ❖ Elakkan unsur intimidasi atau tindakan keterlaluan.
- ❖ Polis berperanan sebagai pemantau/penasihat, manakala pengurusan murid masih di bawah sekolah.

4. Pendekatan pendidikan

- ❖ Disyorkan digabung dengan:
- ❖ Sesi nasihat/ceramah selepas operasi.
- ❖ Intervensi kaunseling bagi murid terlibat.
- ❖ Fokus kepada mendidik dan mencegah, bukan semata-mata mencari kesalahan.

Kesimpulan: Sekolah boleh melibatkan polis dalam operasi spot check asrama, tetapi mestilah berasas, berprosedur dan berfokus kepada pencegahan serta kesejahteraan murid, bukan pendekatan menghukum atau menakutkan.